

Terma & Syarat

1. Peraduan “Bataras RM100 Sehari” (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh Etika Sdn. Bhd. (17296-P) (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia (setiap “Peserta” dan secara kolektif “Para Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan pengesahan identiti Peserta. Golongan individu berikut adalah terkecuali:
 - a. Rakyat Malaysia yang berumur di bawah umur 18 tahun (pada 2 Oktober 2019); atau
 - b. Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan); atau
 - c. Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia khidmat promosi Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan).
2. Peraduan ini akan berlangsung dari 2 Oktober 2019 hingga 31 Oktober 2019 (“Tempoh Peraduan”). Pihak Penganjur berhak menurut budi bicara mutlak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu dan tanpa sebab tanpa liabiliti kepada mana-mana pihak. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan secara automatik akan dibatalkan.
3. Untuk menyertai Peraduan:
 - a. Para Peserta dikehendaki membeli produk Etika yang turut serta bernilai RM10.00 dan ke atas dalam satu resit sah di mana-mana kedai Bataras yang turut serta dalam Tempoh Peraduan. Setiap resit melayakkan Peserta untuk menghantar satu (1) penyertaan SMS. Untuk setiap RM10.00, Peserta akan menerima satu (1) penyertaan Peraduan secara automatik.
 - b. Taip (MENANG)<jarak>(nombor resit 5 digit terakhir)<jarak>(tarikh resit HHBBTT)<jarak>(amaun pembelian produk yang turut serta RM00.00)<jarak>(nombor KP 12 digit)<jarak>(nama) dan SMS ke 36266. Contoh: MENANG 78945 161019 RM13.50 860125125678 Bainun Mohd
 - c. Simpan resit bercetak asal yang sah bertarikh dalam Tempoh Peraduan dengan butiran resit yang sepadan dengan penyertaan SMS sebagai bukti pembelian (“Bukti Pembelian”).
 - d. Para Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan SMS yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran yang diperlukan dan Bukti Pembelian yang berlainan bagi setiap penyertaan.
 - e. Para Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan SMS dengan Bukti Pembelian yang sama kepada pihak Penganjur.
 - f. Hanya resit-resit bercetak asal dan sah akan diterima. Salinan resit dan resit cetak semula tidak akan diterima. Resit-resit yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, diperolehi secara tidak sah, tersalah cetak dan/atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan resit-resit tidak sah tersebut.
 - g. Setiap Hari Peraduan akan bermula pada jam 12:00 pagi dan berakhir pada jam 11:59 malam, sepanjang Tempoh Peraduan.
 - h. Para peserta akan dicaj RM0.30 untuk setiap mesej SMS diterima. Caj ini adalah tambahan ke atas caj standard SMS yang dikenakan oleh operator telefon bimbit peserta. Pihak Penganjur tidak akan membayar balik apa-apa caj yang dikenakan kepada Peserta.
 - i. Para Peserta hanya boleh menyertai Peraduan ini melalui telefon bimbit sahaja.

- j. Pihak Penganjur dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan mesej SMS dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang penggunaan telefon bimbit atau akaun pelanggan yang tidak dibenarkan sepanjang Peraduan ini.

4. Cara pemilihan pemenang:

- a. Hadiah Harian x 8 pemenang x 30 hari: Para pemenang Hadiah Harian yang layak akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Hari Peraduan dibahagikan dengan 8.5. Sebagai contoh: jika terdapat sebanyak 258 penyertaan layak diterima, nombor ini akan dibahagikan dengan 8.5 dan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat yang lebih rendah iaitu 30. Maka penyertaan layak ke-30, ke-60, ke-90 dan seterusnya akan disenarai pendekkan dan layak memenangi Hadiah Harian setiap satu untuk hari tersebut. Jika penyertaan yang disenarai pendekkan dibatalkan kelayakannya, maka penyertaan layak seterusnya yang terdahulu akan menjadi pemenang gantian, sebagai contoh: pemenang gantian untuk penyertaan layak ke-30 adalah penyertaan layak ke-29.
- b. Para pemenang yang layak akan dihubungi melalui telefon dan dikehendaki menjawab satu soalan dengan betul sebelum boleh disahkan sebagai pemenang. Sekiranya Peserta gagal menjawab soalan dengan betul, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih Peserta seterusnya sebagai pemenang. Sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya, tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, dan lain-lain, dua (2) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh 24 jam yang berikutnya selepas cubaan pertama. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, kelayakan Peserta akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta-peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.
- c. Para pemenang yang layak dikehendaki menghantar semua Bukti Pembelian dan salinan Kad Pengenalan melalui Pos Laju/kurier dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas tarikh pemberitahuan. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang tersebut akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran yang dikenakan ke atas pemenang.

5. Hadiah-hadiah Peraduan:

- a. Hadiah Harian x 240: RM100.00 Baucar Bataras setiap satu.
- b. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Harian sepanjang Tempoh Peraduan.
- c. Kesemua hadiah Peraduan mestilah dituntut oleh pemenang atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pemberitahuan. Semua hadiah yang gagal dituntut enam puluh (60) hari selepas tarikh pemberitahuan akan dilupuskan oleh pihak Penganjur.
- d. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk menggantikan hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang lebih kurang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar dalam apa jua bentuk lain atas apa jua sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.

6. Semua kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Peraduan dan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab Peserta dan pemenang sepenuhnya.

7. Para Peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan di dalam Peraduan ini dan penggunaan hadiah-hadiah.

8. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap Peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
9. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan Peserta. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi Peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya Peserta memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 1300 30 1300 bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, pihak Penganjur akan menghormati permintaan Peserta. Maklumat Peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka.
10. Dengan menyertai Peraduan ini, para Peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
11. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan para Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
12. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, rayuan dan panggilan tidak akan dilayan.